

Permohonan ekstradisi tertakluk undang-undang Malaysia — PM

U.M 21 SEP 1993
PULAU PINANG 20 Sept. — Perdana Menteri Dato' Sri / Dr. Mahathir Mohamad berkata, permohonan ekstradisi Australia ke atas Raja Kamarul Bahrin adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Beliau menegaskan, sebarang perjanjian ekstradisi itu adalah tertakluk kepada undang-undang negara ini.

Bagaimanapun, katanya, terpulanglah kepada mereka yang mentadbir undang-undang untuk mendapatkan asas undang-undang berhubung ekstradisi Raja Bahrin kepada pihak kerajaan Australia.

Dr. Mahathir berkata, pihak-pihak yang berkaitan, akan mengkaji mengenai permintaan Australia mengenai ekstradisi tersebut.

Beliau menjelaskan hal ini semasa ditanya mengenai kedudukan Raja Bahrin terhadap ekstradisi berkenaan dalam program kunjungan ke kediaman Yang Dipertua Negeri, Tun Dr. Hamdan Sheikh Tahir oleh Eastern & Oriental Express di sini.

Australia meminta Malaysia menyerahkan Raja Bahrin untuk dibicarakan di negara tersebut atas dakwaan melarikan dua anaknya — Iddin, 10 dan Shahirah, 7 — tanpa ke-

benaran keluarganya (bekas isteri).

Semalam, Menteri Undang-Undang, Dato' Syed Hamid Albar berkata, disebabkan Raja Bahrin tidak melakukan kesalahan menurut undang-undang negara ini, beliau akan diberikan perlindungan undang-undang.

Beliau menyatakan hal itu semasa mengulas mengenai permintaan rasmi kerajaan Australia supaya menyerahkan Raja Bahrin untuk dibicarakan di Australia.

Syed Hamid menyatakan, langkah tersebut adalah tugas kerajaan untuk menentukan hak rakyat terpelihara dari segi undang-undang.

Perintah

Di **Kuala Lumpur**, Menteri Luar, Dato' Abdullah Ahmad Badawi berkata, perintah ekstradisi Australia ke atas rakyat Malaysia, Raja Kamarul Bahrin Shah tidak menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Beliau memberitahu para pemberita, langkah Australia itu "tidak ada kena mengena dengan hubungan diplomatik" dan kerajaan menyifatkannya sebagai satu masalah keluarga.

Abdullah yang diminta mengulas mengenai perintah ekstradisi itu me-

ngesahkan bahawa Wisma Putra baru-baru ini telah menerima permintaan Australia itu menerusi sepucuk surat.

Surat itu mengandungi permintaan untuk membawa Raja Bahrin ke negara tersebut bagi dibicarakan atas tuduhan membawa lari dua orang anaknya daripada jagaan bekas isterinya di Melbourne.

Bercakap kepada para pemberita ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Agung Pertubuhan Inter-Parlimen ASEAN (AIPO) di bangunan Parlimen hari ini, Abdullah berkata, surat itu telah diserahkan kepada Peguam Negara dan Menteri Undang-Undang.

"Kes (Raja Bahrin) ini adalah masalah keluarga. Sebab itu lebih baik diuruskan oleh Peguam Negara dan Menteri Undang-Undang. Apa sahaja keputusan mengenainya, kita serahkan kepada pihak berkenaan," katanya.

Malaysia tidak mempunyai perjanjian ekstradisi dengan Australia. Bagaimanapun, undang-undang ekstradisi negara ini membolehkan Menteri Dalam Negeri mengarahkan seseorang rakyat dihantar ke mana-mana negara untuk dibicarakan sungguhpun Malaysia tidak mempunyai perjanjian rasmi dengan negara tersebut.